

UNISSA kongsi maklumat pengajian

Oleh Nurdiyanah R.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 FEB – Bagi memberikan gambaran dan pemahaman yang lebih jelas mengenai pelbagai program pengajian yang ditawarkan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Hari Terbuka UNISSA di Dewan Gimnasium UNISSA, bermula hari ini sehingga esok (16 Februari).

Sementara itu, hari terbuka turut akan diadakan di Kampus UNISSA cawangan Kampung Sinaut pada 21 Februari ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, bagi sesi 2023/2024, UNISSA menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah termasuk Usuluddin; Syariah dan Undang-undang; Bahasa Arab; Ekonomi dan Kewangan Islam; Pengurusan Pembangunan Islam; Teknologi Islam; Pertanian; Penyelidikan

Mazhab Syafii; dan Penyelidikan Halalan Tayyiban.

Hari terbuka berkenaan juga memberikan peluang kepada orang ramai berinteraksi secara langsung bersama tenaga akademik UNISSA di samping memperoleh maklumat terperinci tentang pelbagai aktiviti kokurikulum yang bakal dijalankan.

Seorang pengunjung yang sempat ditemu bual oleh *Media Permata*, Dayang Nurazimah binti Asmadi bersama dua orang rakan seperjuangan mengongsikan bahawa Hari Terbuka UNISSA merupakan salah satu platform yang membuka minda mereka dalam menentukan pemilihan jurusan atau bidang pengajian yang bersesuaian dengan keputusan subjek dalam GCE A Level yang telah diperolehi.

Bekas penuntut di Pusat Tingkatan Enam Meragang itu berharap hari terbuka berkenaan sedikit sebanyak mampu membantu menentukan hala tuju mereka pada masa akan datang.

Sehubungan itu, program-program yang ditawarkan juga diharap mampu menarik minat para pemohon bukan sahaja dari dalam negara, malah luar negara, lebih-lebih lagi apabila kelulusan yang diperolehi dari UNISSA diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi antarabangsa dan mempunyai kedudukan yang setanding.



Antara pengunjung petak-petak pameran semasa berlangsungnya Hari Terbuka UNISSA di Dewan Gimnasium UNISSA, kelmarin.



Para pengunjung diberikan penerangan semasa melawat ke salah satu petak pameran sempena Hari Terbuka UNISSA di Dewan Gimnasium UNISSA, kelmarin.